



Contents lists available at [Journal IICET](#)

Lentera Negeri

Journal homepage: <http://journal.iicet.org/index.php/lentera>



The effectiveness of the appreciation of ethics and civilization course in shaping character among students of politeknik Kuala Terengganu

Salmi Mohd^{*}, Hazian Ismail, Zainun Binti Salleh

Politeknik Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

Article Info

Article history:

Received May 19th, 2024

Revised Jun 23th, 2024

Accepted Jul 30th, 2024

Keywords:

Ethical and civilization

Curriculum

Interest

Character

ABSTRACT

Students in the field of Technical and Vocational Education and Training (TVET) generally focus on preparing for the job market with relevant and practical skills. However, this effort becomes more meaningful if they succeed in developing themselves into individuals with high moral character. The process of shaping character involves holistic personal development, including moral, ethical, emotional, social, and intellectual aspects. These characteristics are encompassed in the course on Ethical Appreciation and Civilization (PEP). However, a question arises regarding the extent to which this course impacts students' character. This study aims to explore students' interest and understanding of the PEP course and its effectiveness in shaping their character. The results of the study indicate that students have a high level of interest and understanding of this course. They agree that the course has helped them develop good character. It is the responsibility of all parties involved to ensure that this course continues to be implemented in the teaching and learning processes at higher education institutions (HEIs).



© 2024 The Authors. Published by IICET.

This is an open access article under the CC BY-NC-SA license
(<https://creativecommons.org/licenses/by-nc-sa/4.0>)

Corresponding Author:

Salmi Mohd,

✉ salmimohd@pkt.edu.my

Pendahuluan

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban telah diperkenalkan sebagai kursus wajib bagi semua pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi sejak 2019 bagi menggantikan kursus Pengajian Malaysia. Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan merentas bangsa dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Ia membahaskan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar dari perspektif etika dan peradaban bagi melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Matlamat ini dilihat selari dengan falsafah Pendidikan Islam iaitu membentuk diri, mengasuh peribadi, membina kemahiran diri dan menjadi contoh tauladan dalam penghayatan cara hidup Islam atau disebut sebagai sahsiah diri. Tenaga pengajar seharusnya memahami

maksud sahsiah secara mendalam bagi memudahkan mereka memainkan peranan dalam membina sahsiah pelajar (Syafiqah Solehah 2017). Adalah menjadi matlamat Pendidikan Islam untuk melahirkan insan yang berilmu, beramal soleh dan berakhlak mulia. Justeru semua ruang yang wujud dalam kurikulum pendidikan boleh merealisasikan hasrat ini sekiranya diperhalusi dengan teliti.

Pemasalahan akhlak dikalangan pelajar sering menjadi topik perbincangan sejak dari dahulu lagi. Institut pengajian tinggi menjadi tempat bimbingan penting kepada pelajar sebagai persediaan menjadi sebahagian daripada masyarakat yang bakal mencorak masa depan negara. Untuk itu setiap tenaga pengajar haruslah bijak mencari ruang untuk membimbing pelajar ke arah pembentukan jati diri pelajar. Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dilihat sebagai satu medium besar untuk merealisasikan hasrat tersebut. Jika dilihat pada hasil pembelajaran kursus ini termasuklah mencadangkan sikap yang positif terhadap isu dan cabaran kontemporari dari perspektif etika dan peradaban iaitu cluster 4, personal dan kemahiran keusahawanan dan juga cluster 5, etika dan profesionalisme. Objektif pengajaran dan pembelajaran inilah yang dilihat boleh menjadi serampang dua mata dengan matlamat Pengajian Islam. Pandangan para pelajar boleh diambil kira sebagai persediaan untuk memantapkan lagi kaedah penyampaian kursus ini bagi mencapai hasil yang optimum.

Objektif Kajian: 1) Mengenalpasti minat pelajar terhadap kursus Penghayatan Etika dan Peradaban; 2) Mengkaji tahap pemahaman pelajar terhadap kepentingan etika dalam kehidupan; 3) Menilai persepsi pelajar terhadap hubungan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dengan pembentukan sahsiah diri pelajar.

Moral dan etika dapat mengesahkan sesuatu perbuatan itu sama ada betul ataupun salah; ataupun perbuatan yang sejenis dengannya baik ataupun buruk; ia mampu menyediakan garis perbezaan yang jelas tentang tindakan dan disposisi rohaniah seseorang sama ada baik ataupun buruk; atau sekurang-kurangnya, ilmu etika dapat memajukan suatu garis panduan yang boleh digunapakai bagi membuat berbagai-bagai pertimbangan moral. (Omar, M. N. 2013)

Menurut kajian yang dijalankan oleh Ruslan Hassan (2020), penekanan kepada aspek pemahaman yang jelas terhadap nilai etika dan moral menjurus kepada pembinaan peradaban, namun demikian ia dilihat semakin terpinggir khususnya dikalangan pelajar. Pembangunan sahsiah amat penting khususnya bagi pelajar politeknik kerana ia merupakan medium dakwah dan berperanan sebagai aset yang utama dalam kehidupan mereka (Shahidan 2017).

Usaha memperkenalkan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dikalangan pelajar institusi pengajian tinggi dilihat semakin membuahkan hasil apabila tahap penerimaan mereka terhadap isi kandungan, pengajaran pensyarah dan penilaian kursus adalah tinggi (Saad, K. M. 2021). Menurut hasil kajian Ani Raihana (2023) pula mendapati pelajar memahami dan mengamalkan nilai-nilai murni yang dipelajari dalam kursus tersebut.

Tujuan pendidikan secara umumnya adalah mewujudkan perubahan positif terhadap tingkahlaku pelajar dan kehidupan peribadinya, kehidupan masyarakat serta alam sekitarnya (Syamsul Arifin 2014). Proses pengajaran dan penilaian kursus ini mampu membawa pelajar ke dalam persekitaran yang baik. Menurut Hasbullah (2020) proses pembentukan identiti seseorang individu sangat dipengaruhi oleh persekitaran yang baik. Faktor-faktor pembelajaran sosial memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan akhlak pelajar.

Dalam membangunkan intelektual dan pemikiran manusia, salah satu cabang utama ialah epistemologi yang berperanan untuk membangunkan manusia. Kewujudan konsep ilmu ini mampu meningkatkan dan memperkembangkan minda manusia (Noraini 2022).

Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan 30 responden yang mengambil Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP) di Politeknik Kuala Terengganu. Satu set soal selidik telah dibangunkan yang terdiri daripada dua bahagian bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada Faktor Demografi responden dan bahagian kedua mengandungi tiga konstruk. Konstruk A ialah mengkaji minat pelajar terhadap kursus PEP. Konstruk B adalah untuk mengenal pasti kefahaman pelajar terhadap nilai etika dalam kehidupan, manakala Konstruk C memberi fokus terhadap hubungkait kursus PEP dalam pembentukan



sahsiah pelajar. Responden perlu menilai dan menjawab 24 pernyataan berdasarkan 4 tahap skala Likert; 1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-setuju dan 4-sangat setuju. Nilai Cronbach Alpha telah digunakan dalam mengukur indeks keesahan soalan kaji selidik, pada skor 0.957. Nilai yang didapati menunjukkan soalan kaji selidik ini adalah boleh dipercayai. Data yang didapati dalam kajian ini dianalisa secara deskriptif menggunakan nilai min dan sisihan piawai. Interpretasi skor min adalah berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 <Skala Skor Min dan Interpretasi (Sumber: Jamil Ahmad, 2002)>

Skor Min	Intrepretasi
1.00 - 1.80	Sangat Rendah
1.81 - 2.60	Rendah
2.61 - 3.40	Sederhana
3.41 - 4.20	Tinggi
4.21 - 5.00	Sangat Tinggi

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Jadual 2 merujuk kepada rumusan faktor demografi responden. Pelajar lelaki meyumbang kepada 76.7% daripada keseluruhan responden, manakala bakinya pelajar perempuan mencatat 23 peratus. Bagi pecahan mengikut jabatan, sebanyak 56.7% adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), dan 43.3% pula disumbangkan oleh responden daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK). Meninjau peratusan responden mengikut kategori semester pengajian, sebanyak 56.7% adalah daripada pelajar semester 2, diikuti 30% pelajar semester 3 dan bakinya 13.3% adalah pelajar daripada lain-lain semester.

Jadual 2 <Faktor Demografi Responden>

	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	23	76.7
Perempuan	7	23.3
Jumlah Keseluruhan	30	100.0
Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)	17	56.7
Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK)	13	43.3
Jumlah Keseluruhan	30	100.0
Semester 2	17	56.7
Semester 3	9	30.0
Lain-Lain	4	13.3
Jumlah Keseluruhan	30	100.0

Jadual 3 menunjukkan skor min bagi minat pelajar terhadap Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Selanjutnya skor min tertinggi adalah bagi item A1 dengan nilai 3.60. Skor min terendah adalah pada item A6 yang mencatat nilai 3.40. Secara keseluruhan, dapatan bagi konstruk A diinterpretasikan sebagai tinggi dengan purata nilai min adalah 3.49. Ini menunjukkan tahap minat yang tinggi terhadap Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di kalangan responden. Responden menerima baik kursus ini dan bersetuju dengan minat, semangat dan keseronokkan positif yang diperolehi sepanjang mengikuti pengajian kursus ini. Isi kandungan kursus yang merangkumi kepelbagaian topik daripada konsep dan sejarah peradaban sehinggalah kepada hubungan sosial dan cabaran masa masa kini menimbulkan minat dan sikap ingin tahu yang mendalam pelajar untuk mengikuti kursus ini. Isi yang terdapat dalam kurikulum kursus ini memenuhi tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan fizikal, emosi, rohani dan intelektual (Kamsani, 2021).





Jadual 3 <Minat Pelajar Terhadap Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban>

Bil.	Item	Min	N=30 Sisihan Piawai	Interpretasi
A1.	Saya sentiasa bersemangat untuk mengikuti kelas Penghayatan Etika dan Peradaban.	3.60	.49	Tinggi
A2.	Saya amat berminat dengan isi kandungan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.	3.53	.50	Tinggi
A3.	Saya mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan dan pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.	3.46	.50	Tinggi
A4.	Saya seronok melakukan tugas penilaian mini projek kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.	3.50	.50	Tinggi
A5.	Saya membuat persediaan dengan baik sebelum melaksanakan tugas pembentangan.	3.46	.50	Tinggi
A6.	Saya merasa kecewa sekiranya kelas ditangguh atau dibatalkan.	3.40	.56	Sederhana

Jadual 4 menunjukkan skor min bagi tahap kefahaman pelajar terhadap Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. serta matlamatnya.

Jadual 4 <Kefahaman Pelajar Terhadap Kepentingan Etika>

Bil.	Item	Min	N=30 Sisihan Piawai	Interpretasi
B1.	Setelah mempelajari kursus ini saya faham maksud etika dalam kehidupan.	3.50	.57	Tinggi
B2.	Setelah mempelajari kursus ini saya tahu kepentingan etika dalam kehidupan.	3.56	.56	Tinggi
B3.	Etika memainkan peranan penting dalam pembentukan peribadi seseorang.	3.46	.62	Tinggi
B4.	Etika membantu saya memahami perbezaan antara tindakan yang baik dan buruk .	3.66	.47	Tinggi
B5.	Etika membantu saya dalam meningkatkan hubungan sosial yang baik dalam masyarakat.	3.53	.50	Tinggi
B6.	Etika mengajar kita tentang hormat menghormati dan toleransi .	3.70	.46	Tinggi
B7.	Etika mendidik kita bertanggungjawab dengan setiap perbuatan dan tindakan yang diambil.	3.63	.49	Tinggi
B8.	Etika turut membincangkan tentang kelestarian alam dan pentingnya mewujudkan hubungan baik dengan alam sekitar.	3.56	.67	Tinggi
B9.	Individu yang tidak memahami konsep etika tidak mampu membuat keputusan yang tepat dalam kehidupan .	3.26	.78	Sederhana
B10.	Halatuju dalam kehidupan lebih terarah apabila kita memahami konsep etika .	3.60	.49	Tinggi

Skor min tertinggi adalah bagi item B6 dengan nilai 3.70. Skor min terendah adalah pada item B9 yang mencatat nilai 3.26, iaitu pada tahap sederhana. Secara keseluruhan, dapatan bagi konstruk B diinterpretasikan sebagai tinggi dengan purata nilai min adalah 3.55. Ianya menunjukkan tahap kefahaman yang baik yang dapat dibentuk dikalangan responden selepas mereka mempelajari kursus ini selama satu semester. Responden bersetuju bahawa melalui kursus ini, mereka lebih memahami tentang aspek hormat-menghormati dan





kepentingan sikap toleransi dalam kehidupan. Ini mendorong kepada pembentukan sahsiah diri yang lebih baik dikalangan pelajar bertepatan dengan pandangan Mohamad Khairi (2016), yang menegaskan penerapan nilai murni merentas kurikulum ini amat penting dalam melahirkan insan yang seimbang keseluruhan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Jadual 5 menunjukkan skor min bagi persepsi pelajar terhadap hubungkait kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dengan pembentukan sahsiah diri pelajar.

Jadual 5 <Hubungkait kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dengan Pembentukan Sahsiah>

Bil.	Item	Min	N=30 Sisihan Piawai	Interpretasi
C1.	Saya berpendapat kursus Penghayatan Etika dan Peradaban sangat membantu dalam membentuk sahsiah dan keperibadian diri saya.	3.63	.49	Tinggi
C2.	Kandungan kursus ini banyak membimbing saya berfikir dan bertindak secara rasional.	3.63	.49	Tinggi
C3.	Kursus ini sangat membantu saya menerapkan nilai-nilai positif dalam diri.	3.60	.49	Tinggi
C4.	Kursus ini membimbing pelajar tentang sifat jujur, bertanggungjawab dan adil dalam setiap tindakan.	3.60	.49	Tinggi
C5.	Kursus ini juga mengingatkan kita tentang pentingnya sifat merendah diri dalam pergaulan.	3.66	.47	Tinggi
C6.	Kursus ini memberi kesedaran kepada kita kepentingan menuntut ilmu sepanjang hayat .	3.63	.49	Tinggi
C7.	Saya rasa bersemangat untuk menjalankan tanggungjawab sosial selepas mempelajari kursus ini.	3.53	.50	Tinggi
C8.	Saya lebih faham tentang kesan dan keburukan sifat mementingkan diri selepas mempelajari kursus ini.	3.53	.50	Tinggi

Skor min tertinggi adalah bagi item C5 dengan nilai 3.66. Skor min terendah adalah pada item C8 yang mencatat nilai 3.53, namun masih lagi mencapai nilai tinggi. Bagi gambaran keseluruhan, dapatan bagi konstruk C diinterpretasikan sebagai tinggi dengan purata nilai min adalah 3.60. Ianya menunjukkan persepsi pelajar yang yakin dan percaya bahawa Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban ini membantu mereka kearah pembentukan keperibadian yang lebih baik. Persepsi responden yang bersetuju bahawa pelaksanaan kursus ini yang mampu membentuk sikap rasionalisasi, tanggungjawab, nilai positif dan sedar kepentingan ilmu ini selaras dengan peri pentingnya peranan etika dalam kehidupan. Konsep etika ini boleh ditakrifkan sebagai suatu set peraturan kehidupan manusia yang menjadi asas dan panduan dalam menjalani kehidupan berprinsip dan mengikut peraturan yang betul yang wajar dijadikan teras dalam kehidupan insan bagi mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup. (Ruslan Hassan, et.al, 2020)

Rumusan

Berdasarkan kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa minat pelajar terhadap kursus Penghayatan Etika dan Peradaban boleh dijadikan sebagai satu ruang untuk membentuk sahsiah atau karakter pelajar, membantu mereka menjadi individu yang berpengetahuan, lebih bertanggungjawab dan berkeperibadian tinggi. Melalui kursus ini pelajar didedahkan tentang moral, integriti, tanggungjawab dan akhlak yang baik. Tenaga pengajar bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban perlu bijak menggunakan peluang ini semaksima mungkin untuk membantu pelajar membina jatidiri yang cemerlang.





Rujukan

- Haridi, N. H. M., Rahman, R. A., Salleh, N., Jodi, K. H. M., & Daud, Z. (2020). Penerapan Elemen Modal Insan Terhadap Remaja Berisiko di Institusi Pemulihan Akhlak di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 81-103.
- Hassan, R., Zain, F. M., Bakar, K. A., & Kamaruzaman, A. F. (2020). Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *Malim J. Pengaj. Umum Asia Tenggara (Sea J. Gen. Stud., vol. 21, no. 1, pp. 126–141, 2020, <https://doi.org/10.17576/malim-2020-2101-10>*.
- Jamar, A., Mansor, F. N., & Noh, M. A. C. (2020). Penghayatan Pelajar Terhadap Nilai Islam dalam Kalangan Pelajar Malaysian Aviation Training Academy (MATA), Kuantan: Understanding and Practicing Islamic Values among Students of Malaysian Aviation Training Academy [MATA], Kuantan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(1), 58-68.
- Rahman, A. H. A., Majid, M. A., & Azizan, N. I. (2022). Kaedah Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen Menurut Perspektif Islam: Tinjauan Sorotan Literatur: Methods of Identity Development of Delinquent Teenagers according to The Islamic Perspective: A Review of Literature Highlights. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 15-33.
- Rosli, A. R., Mahadi, M. I., & Mohamad, A. (2023). Kefahaman dan pengamalan nilai-nilai murni melalui kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing. *Technical and Vocational Education International Journal (TAVEIJ)*, 3(1), 63-70.
- Saad, K. M. (2021, April). Persepsi Pelajar Terhadap Implimentasi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban Di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah. In *Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Syariah & Law*.
- Shafie, M. K., & Othman, M. K. (2017). Kefahaman dan pengalaman akhlak dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzan Shah. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 663-676.
- Zahid, M. D., Che'Oun, N. H., & Habir, M. N. I. (2020). A Brief Overview On The Integration Of Naqli And Aqli Among Usim Clinical Dental Students–The Akhlaq. *Journal Of Education And Social Sciences*, 16(1).
- Zulkifli, N., Mustafar, F. W., & Ridzuan, M. I. M. (2022). Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4(3), 14-25.

